



**SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK
BILANGAN 7 TAHUN 2018**

**KAEDAH UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
(PERKARA AKADEMIK) 2008 PINDAAN 2017**

**KAEDAH UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
(PERKARA AKADEMIK) (BAGI PROGRAM PERINGKAT DIPLOMA)
PINDAAN 2018**

(PINDAAN TERKINI)

Bahagian Hal Ehwal Akademik
15 Mei 2018

Disalinkan kepada:

Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Pendaftar
Pegawai-Pegawai Kanan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

15 Mei 2018

SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK
BILANGAN 7 TAHUN 2018

KAEDAH UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
(PERKARA AKADEMIK) 2008 PINDAAN 2017

KAEDAH UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
(PERKARA AKADEMIK) (BAGI PROGRAM PERINGKAT DIPLOMA)
PINDAAN 2018

(PINDAAN TERKINI)

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling Pengurusan Akademik ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua kakitangan dan pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris mengenai keputusan pihak Universiti atas kelulusan Senat Kali Ke-166 Bilangan 5/2018 yang bersidang pada 15 Mei 2018 telah bersetuju dengan pindaan terkini bagi Kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perkara Akademik) 2008 Pindaan 2017 dan Kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perkara Akademik) 2008 (Bagi Program Peringkat Diploma) Pindaan 2018 melibatkan pengurusan peperiksaan.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA) bertanggungjawab dalam memastikan peraturan yang telah digariskan di dalam Kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perkara Akademik) 2008 Pindaan 2017 dan Kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perkara Akademik) 2008 (Bagi Program Peringkat Diploma) Pindaan 2018 dipatuhi dan dilaksanakan bagi mencapai visi dan misi universiti.
- 2.2 Surat Pekeliling Pengurusan Akademik Bilangan 5 Tahun 2018 telah dikeluarkan bagi memaklumkan pindaan Kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perkara Akademik) 2008 Pindaan 2017 dan Kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perkara Akademik) 2008 (Bagi Program Peringkat Diploma) Pindaan 2018.

- 2.3 Mesyuarat Senat Kali Ke-165 Bilangan 4/2018 pada 10 April 2018 telah meminta penetapan tempoh maksimum kepada pelajar yang dikenakan status amaran dikaji kesesuaian pelaksanaannya. Penetapan ini diputuskan dalam Mesyuarat Senat Kali Ke-166 Bilangan 5/2018 pada 15 Mei 2018.
- 2.4 Pindaan terkini Kaedah adalah berdasarkan justifikasi berikut :
- 2.4.1 Keputusan dalam Mesyuarat Senat Universiti.

3.0 KEPUTUSAN SENAT

- 3.1 Senat Universiti dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Universiti bersetuju memperaku dan meluluskan keputusan seperti berikut:

Pelajar diberhentikan jika 3 kali berturut-turut berada pada PNGK 1.70 - 1.99.

- 3.2 Kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perkara Akademik) 2008 Pindaan 2017 dengan pindaan terkini ini akan berkuatkuasa kepada pelajar Ambilan September 2018 tertakluk kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti.
- 3.3 Kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perkara Akademik) 2008 (Bagi Program Peringkat Diploma) Pindaan 2018 dengan pindaan terkini ini akan berkuatkuasa kepada pelajar Ambilan Jun 2018 tertakluk kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti.
- 3.4 Kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perkara Akademik) 2008 Pindaan 2017 dengan pindaan terkini dan Kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perkara Akademik) 2008 (Bagi Program Peringkat Diploma) Pindaan 2018 dengan pindaan terkini adalah seperti **LAMPIRAN A** dan **LAMPIRAN B**.

4.0 TARIKH KUASA KUASA

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 15 Mei 2018.

Sekian, terima kasih.

"KOMITED MEMBAWA PERUBAHAN DALAM PENDIDIKAN"

Yang benar,



(SUHAILA SIDEK)
Timbalan Pendaftar Kanan
Bahagian Hal Ehwal Akademik



LAMPIRAN A

LAMPIRAN B